

**PANDUAN SOLAT JENAZAH**  
**Ustaz Ahmad Adnan Fadzil**  
**(Mudir AQIS)**

**Apa maksud solat Jenazah?**

Solat Jenazah ialah solat orang hidup ke atas orang yang sudah mati mengikut kaifiyat yang telah ditetapkan Syarak.

**Apa hukum solat jenazah?**

Fardhu kifayah, iaitu wajib suatu jenazah muslim disolatkan sekurang-kurangnya oleh seorang lelaki muslim, namun ada ulamak berpandangan; sekurang-kurangnya oleh dua orang lelaki muslim. Tidak gugur kefardhuan tersebut jika hanya disolatkan oleh wanita muslim, kecuali ketika ketiadaan kaum lelaki (Mughni al-Muhtaj, 1/468).

Disunatkan meramaikan solat jenazah kerana Nabi SAW bersabda;

مَا مِنْ رَجُلٍ مُسْلِمٍ يَمُوتُ، فَيَقُولُ عَلَى جَنَازَتِهِ  
أَرْبَعُونَ رَجُلاً، لَا يُشْرِكُونَ بِاللَّهِ شَيْئًا، إِلَّا  
شَفَّعَهُمُ اللَّهُ فِيهِ

“Tidak ada seorang muslim yang mati, lalu disolatkan jenazahnya oleh 40 lelaki yang

tidak mensyirikkan Allah, melainkan Allah akan menerima syafaat (yakni permohonan) mereka untuknya” (Soheh Muslim; 948/59).

### **Apa fadhilat solat jenazah?**

Sabda Nabi SAW;

مَنْ صَلَّى عَلَى جَنَازَةٍ فَلَهُ قِيرَاطٌ، فَإِنْ شَهِدَ دَفْنَهَا فَلَهُ قِيرَاطَانِ، الْقِيرَاطُ مِثْلُ أَحْدٍ

“Sesiapa mensolatkan satu jenazah, baginya pahala satu qirat. Jika ia turut menghadiri pengkebumiannya, baginya pahala dua qirat. Satu qirat seumpama bukit Uhud” (Soheh Muslim; 946/57, dari Tsauban RA).

### **Apa syarat-syarat solat jenazah?**

1. Jenazah atau mayat yang hendak disolatkan hendaklah seorang Muslim. Diharamkan melakukan solat jenazah ke atas mayat kafir.
2. Mayat yang hendak disolatkan hendaklah dimandi dan dikafarkan terlebih dahulu.
3. Mayat hendaklah diletakkan di hadapan imam dan orang yang mensolatkannya. Tidak sah solat

jenazah jika mayat diletakkan di belakang imam dan orang yang mensolatkannya. Namun syarah ini dikecualikan bagi solat jenazah ghaib yang akan diceritakan nanti.

4. Wajib melakukan syarat-syarat sah solat yang umum iaitu; menutup aurat, mengadap qiblat dan bersuci (pada pakaian, tempat solat dan badan) kerana solat jenazah merupakan sebahagian dari solat.

### **Apakah rukun-rukun solat jenazah?**

Ada tujuh rukun bagi solat jenazah, iaitu;

1. Niat
2. Empat kali takbir dengan lafaz "Allahu Akbar".
3. Berdiri bagi yang mampu.
4. Membaca surah al-Fatihah selepas takbir yang pertama.
5. Bersalawat ke atas Nabi selepas takbir kedua.
6. Berdoa untuk si mati selepas takbir ketiga.
7. Memberi salam selepas takbir ke empat (takbir yang akhir).

(Matn al-Minhaj/Mughni al-Muhtaj, 1/464-465).

\*Perhatian ; dalam solat jenazah tidak ada rukuk dan juga sujud. Solat dilakukan terus-menerus dalam keadaan berdiri sehingga selesai empat kali takbir.

**Bagaimana caranya mengerjakan solat jenazah dengan sempurna?**

### Langkah Pertama

Mayat hendaklah diletakkan di hadapan imam. Jika mayat itu perempuan, imam hendaklah berdiri dekat dengan pinggangnya dan sekiranya mayat lelaki, imam berdiri dekat dengan bahunya.

### Langkah Kedua

Ucapkan takbir “Allahu Akbar” sambil menghadirkan niat dalam hati. Lafaz niat ada yang khusus dan ada yang umum. Lafaz niat yang khusus ialah ;

أصلی علی هذَا المیت (هذِهِ الْمَيْتَةُ) أربع  
تكبیرات فرض کفایة لله تعالیٰ

“Sahaja aku mengerjakan solat jenazah ke atas mayat lelaki atau mayat wanita ini

dengan empat takbir, fardhu kifayah, menjadi makmum kerana Allah Taala”.

## أصلٍ على الميت الذي صلاه الإمام أربع تكبيرات فرض كفاية لله تعالى

Lafaz niat umum ialah ; “Sahaja aku mengerjakan solat jenazah ke atas mayat yang disolatkan oleh imam kerana Allah Taala”.

Dalam lafaz niat umum, mayat yang disolatkan itu tidak ditentukan sama ada lelaki atau wanita. Memakai lafaz niat umum ini lebih baik kerana jika kita membuat penentuan bahawa mayat yang disolatkan itu lelaki atau wanita kemudian penentuan kita itu tidak menepati apa yang sebenar maka solat jenazah kita dikira tidak sah.

### Langkah Ketiga

Membaca al-Fatihah sehingga selesai.

### Langkah Keempat

Bertakbir untuk kali kedua. Selepas takbir kedua ini hendaklah membaca salawat ke atas Nabi SAW. Sekurang-kurang selawat ialah;

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى مُحَمَّدٍ

“Ya Allah, limpahkan rahmat ke atas (Nabi) Muhammad SAW”.

Sebaik-baiknya ialah salawat yang panjang seperti yang biasa dibaca ketika duduk tahiyyat akhir dalam solat biasa (iaitu Selawat Ibrahimiyah).

### Langkah Kelima

Bertakbir untuk kali ketiga. Selepas takbir ini hendaklah dibaca doa untuk mayat. Doa yang pendek ialah;

اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَاعْفُ عَنْهُ<sup>1</sup>

“Ya Allah, kurniakanlah keampunan untuknya, kasihanilah dia, selamatkanlah dia (dari perkara-perkara yang dibencinya) dan maafkanlah (segala kekurangan dan kelalaian) darinya”.

Doa yang panjang;

---

<sup>1</sup> Bagi mayat perempuan;

اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا وَاعْفُ عَنْهَا

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَاعْفُ عَنْهُ وَ  
 أَكْرِمْ نُزُلَهُ وَوَسِعْ مَدْخَلَهُ وَاغْسِلْهُ بِالْمَاءِ وَ  
 الثَّلْجِ وَالْبَرَدِ وَنَقِهِ مِنَ الْخَطَايَا كَمَا يُنَقِّي  
 الشَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ وَأَبْدِلْهُ دَارًا خَيْرًا  
 مِنْ دَارِهِ وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ  
 زَوْجِهِ وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ وَأَعِذْهُ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ  
 وَفِتْنَتِهِ وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ<sup>2</sup>

<sup>2</sup> Bagi mayat perempuan;

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا وَاعْفُ عَنْهَا وَ  
 أَكْرِمْ نُزُلَهَا وَوَسِعْ مَدْخَلَهَا وَاغْسِلْهَا بِالْمَاءِ وَ  
 الثَّلْجِ وَالْبَرَدِ وَنَقِهَا مِنَ الْخَطَايَا كَمَا يُنَقِّي الشَّوْبُ  
 الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ وَأَبْدِلْهَا دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهَا  
 وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهَا وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهَا وَ  
 أَدْخِلْهَا الْجَنَّةَ وَأَعِذْهَا مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَفِتْنَتِهِ وَ  
 مِنْ عَذَابِ النَّارِ

“Ya Allah, kurniakanlah keampunan untuknya, kasihanilah dia, selamatkanlah dia (dari perkara-perkara yang dibencinya) dan maafkanlah (segala kekurangan dan kelalaian) darinya. Muliakanlah persiapan untuknya dan luaskanlah tempat masuknya (yakni kuburnya). Mandikanlah dia dengan air, salji dan embun beku. Sucikan dia dari dosa-dosanya sebagaimana disucikan kain putih dari kotoran. Gantikan untuknya rumah yang lebih baik dari rumahnya (di dunia), ahli keluarga yang lebih baik dari ahlinya (di dunia), pasangan yang lebih baik dari pasangannya (di dunia). Masukkanlah dia ke dalam syurga, peliharalah dia dari azab kubur dan fitnah kubur dan dari azab neraka” (Soheh Muslim; 963/85, dari ‘Auf bin Malik RA).

Sekiranya jenazah kanak-kanak, adalah lebih baik ditambah dengan doa;

اللَّهُمَّ اجْعِلْهُ لَنَا فَرَطًا وَسَلَفًا وَأَجْرًا<sup>3</sup>

“Ya Allah, jadikanlah anak yang mati ini sebagai warisan kami (dalam Syurga), yang menunggu kami (di sana) dan ganjaran

---

<sup>3</sup> Bagi kanak-kanak perempuan;

اَللَّهُمَّ اجْعِلْهَا لَنَا سَلَفًا وَ فَرَطًا وَ أَجْرًا

pahala (untuk kami)" (Doa Hasan al-Basri. Soheh al-Bukhari: 2/89).

### Langkah Keenam

Bertakbir untuk kali keempat (takbir terakhir). Selepas takbir ini sunat dibaca doa di bawah;

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَ لَا تَفْتَنَنَا بَعْدَهُ وَ اغْفِرْ  
لَنَا وَلِهُ<sup>4</sup>

"Ya Allah, janganlah Engkau menegah kami dari (menyampaikan) pahala (solat kami) kepadanya, janganlah Engkau menguji kami setelah ketiadaannya dan berilah keampunan untuk kami dan juga untuknya".

Atau yang lebih panjang;

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَ لَا تَفْتَنَنَا بَعْدَهُ وَ اغْفِرْ  
لَنَا وَلِهُ وَ لِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالإِيمَانِ وَ لَا

---

<sup>4</sup> Bagi mayat perempuan;

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهَا وَ لَا تَفْتَنَنَا بَعْدَهَا وَ اغْفِرْ  
لَنَا وَلَهَا

تَجْعَلُ فِي قُلُوبِنَا غِلا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ  
رَوْفٌ رَّحِيمٌ<sup>5</sup>

"Ya Allah, janganlah Engkau menegah kami dari (menyampaikan) pahala (solat kami) kepadanya dan janganlah Engkau menguji kami setelah ketiadaannya. Berilah keampunan untuk kami dan juga untuknya, serta untuk sekalian saudara-saudara kami yang telah mendahului kami dengan beriman. Janganlah Engkau membiarkan kedengkian dalam hati kami terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami, sesungguhnya Engkau Maha Penyantun lagi Maha Penyayang".

---

<sup>5</sup> Bagi mayat perempuan;

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهَا وَ لَا تَنْفِتَنَا بَعْدَهَا وَ اغْفِرْ  
لَنَا وَهَا وَ لِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالإِيمَانِ وَ لَا  
تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَوْفٌ  
رَّحِيمٌ

## **Langkah Ketujuh**

Memberi salam ke kanan dan ke kiri. Dengan salam ini selesailah solat jenazah.

### **Di mana kedudukan imam ketika solat jenazah?**

Jika mayat lelaki, imam hendaklah berdiri berhampiran kepalanya dan jika wanita, dia hendaklah berdiri membetuli pinggangnya. Begitulah yang dilakukan oleh Nabi SAW berdasarkan hadis dari Anas bin Malik RA (Jami' al-Tirmizi; 1034, hadis hasan).

### **Siapakah yang paling berhak mengimamkan solat jenazah?**

Iaitulah keluarganya dari pihak lelaki sekalipun si mati ada mewasiatkan kepada orang lain. Maka orang yang paling baik menjadi imam ialah mengikut urutan di bawah:

1. Bapanya,
2. Datuknya.
3. Anak lelakinya
4. Cucu lelakinya
5. Saudara lelakinya seibu-sebapa

6. Saudara lelakinya seberapa
7. Anak saudara lelakinya seibu-seberapa
8. Anak saudara lelakinya seberapa
9. Asabah-asabahnya mengikut tertib perwarisan
10. Lelaki-lelaki zawil-arhamnya
11. Lelaki-lelaki lain

Jika bersamaan pada darjat kekeluargaan, didahulukan yang paling berumur dan soleh.

(Matn al-Minhaj/Mughni al-Muhtaj, 1/470-471).

**Bayi yang gugur, adakah perlu disolatkan?**

Nabi SAW bersabda;

*السِّقْطُ يُصَلَّى عَلَيْهِ، وَيُدْعَى لِوَالِدَيْهِ بِالْمَغْفِرَةِ  
وَالرَّحْمَةِ*

“Bayi yang gugur (hendaklah) disolatkan ke atasnya dan didoakan untuk dua ibu-bapanya keampunan dan rahmat Allah” (Musnad Ahmad; 18174, dari al-Mughirah bin Syu’bah, hadis soheh).

Namun menurut ulamak; hanya disolatkan jika usianya dalam kandungan empat bulan atau lebih. Jika kurang dari usia tersebut, tidak perlu disolatkan (al-Fiqh al-Muyassar, m.s. 116).

## **SOLAT JENAZAH GHAIB**

### **Apa yang dimaksudkan jenazah ghaib?**

Jenazah ghaib bermaksud jenazah yang tidak hadir bersama orang yang mensolatkannya. Solat jenazah secara ghaib ialah mengerjakan solat jenazah tanpa kehadiran jenazah di hadapan orang yang mengerjakannya.

### **Adakah harus melakukan solat ke atas jenazah yang ghaib?**

Diharuskan (dibolehkan) mengerjakan solat jenazah secara ghaib jika jenazah berada di luar negeri (sekalipun jaraknya berdekatan) kerana sukar menghadirinya, sama ada jenazah itu berada di arah kiblat atau bukan arah kiblat (Al-Majmuk, 5/206; Mughni al-Muhtaj, 1/469).

Jika jenazah berada dalam negeri, tidak harus mensolatkannya secara ghaib, yakni mesti menghadirinya. Kecualilah jika terdapat halangan seperti seorang yang ditahan (dipenjara), sakit atau sebagainya, maka harus mengerjakannya secara ghaib sekalipun jenazah berada dalam negeri (Al-Majmuk, 5/206; Mughni al-Muhtaj, 1/469).

Solat ke atas jenazah tersebut masih boleh dilakukan walaupun setelah dikebumikan,

sekalipun setelah sebulan atau lebih (al-Fiqh al-Muyassar, m.s. 116). Malah disebutkan dalam kitab Mughni al-Muhtaj; jika seseorang mengerjakan solat secara ghaib ke atas beberapa jenazah yang mati pada hari itu atau pada tahun itu yang selesai dimandikan di beberapa tempat berbeza di bumi dan tanpa diketahui secara jelas identiti setiap jenazah itu, solat tersebut adalah harus, bahkan sunat, kerana melakukan solat ke atas jenazah yang ghaib (yakni tidak berada dalam negeri) adalah harus dan adapun penentuan identiti jenazah-jenazah (yang disolatkan secara ghaib itu) tidaklah disyaratkan (Mughni al-Muhtaj, 1/469).

### **Apakah dalil keharusan mensolatkan jenazah yang ghaib?**

Abu Hurairah RA menceritakan; “Ketika di Madinah, Nabi SAW telah memberitahui kepada sahabat-sahabat baginda berita kewafatan raja Najasyi RA (di Habsyah). Kemudian baginda mensolatkan jenazahnya (secara ghaib) dan para sahabat turut solat di belakang baginda” (HR Imam al-Bukhari dan Muslim).

### **Apakah syarat-syarat bagi membolehkan solat jenazah secara ghaib dilakukan?**

1. Hendaklah jenazah berada di luar negeri atau terdapat halangan dari menghadirinya

sebagaimana dinyatakan tadi.

2. Hendaklah diketahui bahawa jenazah telah dimandikan. Tidak sah solat jenazah sebelum dimandikan.

(Mughni al-Muhtaj; 1/468-469).

### **Apakah kaifiyat solat jenazah secara ghaib?**

Kaifiyatnya sama seperti solat jenazah biasa, iaitu dilakukan dengan 4 kali takbir dan membaca Fatihah setelah takbir pertama, selawat setelah takbir kedua, berdoa untuk jenazah setelah takbir ketiga dan memberi salam setelah takbir keempat. Yang berbeza hanyalah pada niat iaitu hendaklah diniatkan “mengerjakan solat ke atas jenazah yang ghaib (tiada di hadapan)”. Contoh niat;

“Sahaja aku mengerjakan solat ke atas jenazah (si fulan) yang ghaib, dengan 4 takbir, fardhu kifayah, menjadi maknum, kerana Allah”.

Sebagaimana sedia diketahui, niat solat wajib dihadirkan ke dalam hati ketika melafazkan takbir pertama (yakni takbiratul ihram) (Kifayatul Muhtadi, 143).

**Adakah solat jenazah secara ghaib itu boleh dilakukan setelah solat subuh dan solat asar?**

Boleh, kerana solat jenazah tergolong dalam solat bersebab (seperti solat tahiyyatul masjid, solat gerhana dan sebagainya). Solat yang dilarang pada waktu-waktu yang ditegah solat ialah solat tanpa sebab (Syarah an-Nawawi ‘ala Muslim, 6/110).